

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21 / 10 / 1982

# Malaysia akan hantar pakar tanam padi ke PNG

21 OCT 1982

PORT MORESBY, Papua New Guinea, 20 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Malaysia akan menghantar beberapa orang pakar untuk membantu Papua New Guinea dalam bidang penanaman padi secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata, beliau akan membincangkan perkara itu sekembalinya ke tanahair dengan sektor perladangan tempatan termasuk Harrison's and Crossfield, Guthrie dan Sime Darby.

Bantuan itu diberikan berikutan minat yang di-

unjukkan oleh Papua New Guinea bagi menjayakan penanaman padi secara ladang di samping secara kecilan seperti yang telah dijalankan oleh Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu demikian kepada Bernama selepas mengadakan perbincangan lebih tiga jam setengah dengan Timbalan Perdana Menteri Paia's Wingti di Kompleks Pejabat Kerajaan Papua New Guinea di Waigani, kira-kira 11 kilometer dari bandaraya ini.

Dalam pertemuan itu, Encik Wingti yang juga

bertanggungjawab terhadap perancangan negaranya telah memberi taklimat mengenai perancangan yang telah dan akan dijalankan di Papua New Guinea.

Perdana Menteri telah menjemput para pegawai Papua New Guinea melawat Malaysia untuk meninjau sendiri perkembangan pembangunan di sana termasuk usaha penanaman padi secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata, beliau telah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya, Encik Michael Somare dan beliau ka-

gum dengan kejayaan Malaysia dalam hampir semua bidang serta ingin mencontohi pengalaman itu.

Antara perkara yang dibincangkan secara umum dalam pertemuan itu ialah pembangunan semula tanah, teknologi penanaman dan penyediaan getah, serta kelapa sawit, sistem pelaburan Malaysia, sektor industri perladangan dan pentadbiran daerah dan kampung.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata oleh kerana Papua New Guinea masih dalam peringkat awal pembangunan, negara itu



DATUK SRI DR.  
MAHATHIR

memerlukan tunjuk ajar dalam bidang pembangunan di Malaysia.

Katanya, Malaysia bersedia menawarkan kemudahan latihan kepada Papua New Guinea dalam berbagai jurusan selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat kerjasama rapat antara kedua-dua negara untuk faedah bersama.

Malaysia sebelum ini telah menghantar ramai pakarnya untuk berkhidmat sebagai penasihat di Papua New Guinea dan Perdana Menteri berpendapat bantuan seumpama itu perlu ditingkatkan kerana negara itu masih menghadapi masalah dalam pembangunannya.

Di bawah rancangan bantuan teknikal Malaysia telah menyediakan kemudahan latihan kepada Papua New Guinea di institusi-institusi seperti INTAN, Felcra dan FELDA. — Bernama.